

TIP ELAK ANAK MENJADI MANGSA JENAYAH

TERLALU BANYAK BERITA DI DADA AKHBAR MENGENAI KES CULIK, ROGOL, DERA DAN BULI TERHADAP KANAK-KANAK. PALING MENYEDIHKAN PERBUATAN KEJAM YANG SEMAKIN BERLELUASA INI MERAGUT NYAWA INSAN YANG TIDAK BERDOSA. IBU BAPA PERLU TAHU BAHAWA MELINDUNGI ANAK-ANAK DARIPADA MANGSA KEGANASAN MERUPAKAN SATU PERKARA PENTING YANG PERLU DITITIK BERATKAN DALAM MEMBELA HAK MEREKA.

LAPORAN statistik menunjukkan sebanyak 1473 kes penderaan kanak-kanak telah dicatatkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam tempoh Januari hingga Jun tahun 2015. Selain itu, statistik daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) menunjukkan peningkatan kes penderaan kanak-kanak iaitu sebanyak 3,257 kes (2010), 3,428 kes (2011), 3,831 kes (2012) dan 4,119 kes (2013).

Didikan awal mengenai keselamatan diri adalah penting dalam mendidik anak-anak untuk bersedia dalam respons kepada sebarang situasi berbahaya. Selain itu, masyarakat secara keseluruhannya harus memainkan peranan dalam melindungi anak-anak daripada menjadi mangsa jenayah. Oleh itu, ikuti beberapa tip keselamatan kanak-kanak yang mungkin dapat membantu mereka.

SIKAP WASPADA

Sentiasa mengingatkan anak anda untuk berhati-hati dengan keadaan sekeliling apabila berada di tempat terbuka. Jangan sesekali membiarkan mereka bercakap dengan orang yang tidak dikenali lebih-lebih lagi jika si kecil menerima apa jua barang tanpa perhatian anda. Didik mereka untuk sentiasa bersikap waspada agar anak anda tidak leka dan sentiasa berada dalam keadaan bersedia sekiranya perkara yang tidak diingini berlaku.

SENI MEMPERTAHANKAN DIRI

Seni mempertahankan diri merupakan salah satu inisiatif penting dalam mencegah jenayah terhadap mereka. Secara tidak langsung ia mampu memberi keyakinan sekiranya

berhadapan dengan situasi cemas dan membahayakan keselamatan diri. Anak-anak juga akan lebih peka dengan keadaan sekeliling dan boleh bertindak segera untuk menyelamatkan diri.

AJAR ANAK MENJERIT

Jeritan yang kuat mungkin dapat menyelamatkan anak anda daripada mangsa jenayah. Sentiasa mengingatkan mereka untuk menjerit sekuat hati jika orang yang tidak dikenali melakukan kekerasan. Beri tahu mereka contoh-contoh situasi yang mencurigakan dan didik mereka untuk berani bersuara. Oleh kerana itulah tindakan wajar ibu bapa mengenai keselamatan diri sangat penting.

AJAR ANAK KATA 'TIDAK'

Salah satu punca kanak-kanak menjadi mangsa jenayah adalah mereka mudah terpengaruh dengan ajakan, hasutan serta barang yang diberi oleh orang yang tidak dikenali. Ajar mereka untuk sentiasa mengatakan tidak dan menolak segala pelawaan daripada orang lain.

SIKAP AMBIL TAHU

Sikap ambil peduli dan peka terhadap sesuatu yang berlaku adalah penting untuk memberi tindak balas terhadap pelbagai hal yang berlaku di sekeliling kita. Masyarakat perlu sedar bahawa perasaan ingin tahu boleh menyelamatkan mangsa yang memerlukan pertolongan. Jangan ambil sikap acuh tidak acuh dan hanya membuat hal sendiri. Terus membuat laporan polis sekiranya terlihat sesuatu perkara yang mencurigakan. ■

